



Memo
LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/UPSM/A/0047
Tarikh : 14 Disember 2018

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNANSUMBER MANUSIA
BILANGAN 37 TAHUN 2018**

**CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN HARI DEEPAVALI BAGI PEGAWAI
PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT AGAMA HINDU**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan bersetuju supaya pegawai perkhidmatan awam yang menganut agama Hindu diberikan kemudahan cuti tanpa rekod selama satu (1) hari bagi perayaan Hari Deepavali iaitu pada hari berikutnya sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Deepavali.
3. Kemudahan cuti tanpa rekod ini berkuat kuasa mulai tahun 2018 bagi memberi lebih ruang kepada pegawai untuk menyambut perayaan tersebut bersama keluarga.
4. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Lembaga Khas ke-118 telah bersetuju untuk menerima pakai Surat Edaran JPA. SARAAN(S)43/35 Jld.8(10) Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam **Yang Menganut Agama Hindu berkuatkuasa 7 November 2018**. Dilampirkan bersama adalah Surat Edaran JPA untuk rujukan tuan/puan.
5. Anggota yang beragama Hindu hendaklah mengemukakan memo permohonan Cuti Tanpa Rekod kepada UPSM untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih .

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**


(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)

s.k YH. Dato' Dr. Ketua Pengarah
 Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
 Pengarah- Pengarah Bahagian